

28 MAY 2000

Syed Hamid-Saudi

MALAYSIA-ARAB SAUDI SETUJU PERANAN OIC DIPERTINGKATKAN

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Arab Saudi sependapat bahawa peranan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu dipertingkatkan dalam menghadapi cabaran abad ke-21.

Konsul Besar Malaysia di Jeddah, Datuk Syed Hussein Al-Habshee, berkata ia merupakan antara perkara yang dibincangkan oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid dalam pertemuannya dengan Menteri Luar Arab Saudi, Putera Saud Al-Faisal, di Jeddah.

Syed Hamid juga memaklumkan kepada rakan sejawatannya itu mengenai persiapan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar OIC yang akan diadakan di sini dari 27 hingga 30 Jun, kata Syed Hussein, yang menghubungi Bernama dari Jeddah, hari ini.

Semasa di Jeddah, Syed Hamid juga melawat ibupejabat Bank Pembangunan Islam (IDB) dan mendengar taklimat daripada Presiden IDB, Dr. Ahmad Muhammad Ali.

Pada pertemuan itu, Syed Hamid dimaklumkan bahawa IDB telah memperuntukkan AS\$162.185 juta (RM616.303 juta) untuk beberapa operasi dan projek yang akan dijalankan Malaysia.

Katanya jumlah itu termasuk peruntukan AS\$20 juta (RM76 juta) untuk Universiti Sabah, Universiti Teknologi Malaysia AS\$20 juta (RM76 juta) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia AS\$26 juta (RM98.8 juta).

Syed Hamid juga mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri pertama Saudi, Putera Abdullah bin Abdul Aziz.

"Pada perjumpaan itu, Syed Hamid telah menyampaikan jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Putera Abdullah untuk melawat Malaysia dan ia telah mendapat tindak balas yang positif," kata Syed Hussein.

Syed Hamid juga mengunjungi Timbalan Perdana Menteri kedua Putera Sultan bin Abdul Aziz, yang juga Menteri Pertahanan Arab Saudi.

Hari ini, Syed Hamid melawat sekretariat OIC di Jeddah sebelum berlepas ke Jordan esok.

-- BERNAMA

ZMA NAK